



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2000

**SKIM PERKHIDMATAN JURUTEKNIK KOMPUTER
DAN PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG
PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT DAN OPERATOR
MESIN PROSESAN DATA**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan yang telah meluluskan skim perkhidmatan baru iaitu Juruteknik Komputer. Sehubungan dengan ini beberapa pindaan tertentu juga dilakukan ke atas skim-skim perkhidmatan berkaitan iaitu Penolong Pegawai Sistem Maklumat dan Operator Mesin Prosesan Data .

LATAR BELAKANG

2. Dalam klasifikasi perkhidmatan Sistem Maklumat pada masa ini terdapat tiga skim perkhidmatan iaitu Pegawai Sistem Maklumat, Penolong Pegawai Sistem Maklumat dan Operator Mesin Prosesan Data. Selain itu, satu lagi skim perkhidmatan iaitu Operator Komputer telah diwujudkan semenjak 1 Januari 1992.

3. Perkembangan bidang teknologi maklumat yang pesat telah menyebabkan perlunya kerajaan memperkemas dan mempertingkatkan lagi keupayaan anggota yang terlibat. Ini adalah selaras dengan langkah-langkah ke arah meningkatkan keberkesanan **E-Perkhidmatan Awam**.

SKIM PERKHIDMATAN BARU

4. Kerajaan telah bersetuju untuk memantapkan struktur perkhidmatan Sistem Maklumat yang sedia ada secara menambah satu lagi lapisan dalam Kumpulan Sokongan dengan mewujudkan skim perkhidmatan Juruteknik Komputer. Dengan pewujudan skim perkhidmatan ini maka struktur perkhidmatan Sistem Maklumat kini berubah dari tiga lapisan ke empat lapisan mengandungi skim-skim perkhidmatan Pegawai Sistem Maklumat, Penolong Pegawai Sistem Maklumat, Juruteknik Komputer dan Operator Mesin Prosesan Data.
5. Fungsi utama skim perkhidmatan baru ini ialah untuk menjalankan tugas penyenggaraan sistem dan aplikasi serta pengoperasian sistem. Penetapan fungsi demikian diharap boleh mengatasi masalah pembaikpulihan kecil perkakasan dan perisian komputer di samping memastikan tidak berlaku kebocoran maklumat terperingkat melalui penyalahgunaan komputer sekiranya tugas ini dikendalikan oleh pembekal luar.
6. Kandungan lengkap skim perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran A**. Jadual gaji baru skim perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran A1**. Contoh iklan bagi urusan pengambilan ke perkhidmatan ini adalah seperti di **Lampiran A2**. Sebarang pindaan kepada iklan jawatan hendaklah mendapat kelulusan jabatan ini terlebih dahulu. Deskripsi tugas lengkap skim perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran A3**.
7. Adalah juga dipersetujui bahawa Ketua Perkhidmatan bagi skim perkhidmatan Juruteknik Komputer ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia. Dengan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam adalah bertanggungjawab mengenai urusan perkhidmatan anggota di bawah skim perkhidmatan ini seperti pelantikan, penempatan, pertukaran, peperiksaan, kenaikan pangkat dan sebagainya.
8. Ketua Perkhidmatan diminta memastikan pemegang kelayakan SPMV dalam bidang elektrik atau elektronik dan Sijil Kejuruteraan Elektronik (Komputer) dari Politeknik di bawah Kementerian Pendidikan diberi latihan lanjutan supaya anggota mempunyai kompetensi dari segi baikpulih perkakasan dan perisian komputer.
9. Selaras dengan dasar Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) kepada anggota sedang berkhidmat maka skim perkhidmatan Juruteknik Komputer yang baru ini telah dibekalkan dengan peluang KPSL ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Sistem Maklumat. Anggota dalam skim perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data diberi faedah KPSL ke skim perkhidmatan Juruteknik Komputer mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.
10. Anggota-anggota dalam skim perkhidmatan Operator Komputer yang telah dijumlahkan di bawah Sistem Saraan Baru boleh dilantik ke skim perkhidmatan Juruteknik Komputer dengan syarat:-

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan;
- (b)
 - (i) memiliki SPMV dalam bidang elektrik atau elektronik atau dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
 - (ii) memiliki Sijil Kejuruteraan Elektronik (Komputer) dari Politeknik di bawah Kementerian Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

[Operator Komputer yang memiliki kelayakan di perenggan b (i) atau (ii) yang dilantik ke jawatan Juruteknik Komputer dikehendaki mengikuti latihan lanjutan yang akan ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan]
- (c) Jika tidak memiliki kelayakan yang disyaratkan di perenggan (b)(i) atau (ii) di atas hendaklah lulus Peperiksaan Khas atau menamatkan dengan jayanya kursus peralihan Juruteknik Komputer yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan; dan
- (d) berumur kurang 54 tahun pada tarikh urusan lantikan.

11. Operator Komputer yang telah lulus Peperiksaan Khas atau menamatkan dengan jayanya kursus peralihan Juruteknik Komputer yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh dilantik sebagai Juruteknik Komputer Gred FT7. Pewujudan jawatan Juruteknik Komputer akan dibuat secara tukarganti dengan memansuhkan jawatan Operator Komputer. Pewujudan jawatan ini juga tertakluk kepada keperluan sebenar agensi berkenaan.

12. Pada masa kini terdapat beberapa agensi yang menerimapakai skim perkhidmatan Juruteknik di atas Gred J7 yang mempunyai peranan yang sama atau setanding dengan Juruteknik Komputer . Bagi maksud pelarasan ke skim perkhidmatan baru ini maka satu urusan yang berasingan akan diadakan dengan agensi terlibat.

PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN BERKAITAN

13. Berikutan penambahan satu lapisan baru dalam struktur perkhidmatan Sistem Maklumat maka pengubahsuaian tertentu telah dilakukan ke atas skim-skim perkhidmatan dalam klasifikasi yang sama khususnya skim perkhidmatan Penolong Pegawai Sistem Maklumat dan Operator Mesin Prosesan Data.

14. Perbekalan syarat bagi Operator Mesin Prosesan Data meningkat secara KPSL ke Penolong Pegawai Sistem Maklumat akan dimansuhkan kerana tiada pertalian tugas antara kedua-duanya. Tindakan ini juga bertujuan untuk menyeragamkan pemakaian perbekalan KPSL sebagaimana diperuntukkan dalam skim-skim perkhidmatan yang lain. Dalam semua skim perkhidmatan lain itu, anggota dalam skim perkhidmatan yang

bertaraf SPM boleh meningkat ke skim perkhidmatan yang bertaraf Diploma/STPM dan anggota dalam skim perkhidmatan bertaraf SRP/PMR boleh meningkat ke skim perkhidmatan bertaraf SPM.

15. Skim perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data dan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Sistem Maklumat yang mengandungi pindaan adalah seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C**.

16. Skim perkhidmatan yang baru dan skim-skim perkhidmatan lain yang terlibat dengan pindaan-pindaan ini hanya terpakai kepada anggota yang telah memilih terima opsyen Sistem Saraan Baru (SSB). Anggota yang telah menolak tawaran opsyen SSB adalah kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan Laporan Jawatankuasa Kabinet (JKK). Walau bagaimanapun, apabila dinaikkan pangkat mengikut skim perkhidmatan berkenaan, anggota tersebut hendaklah tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan SSB mulai tarikh kenaikan pangkatnya.

TARIKH KUATKUASA

17. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2000.


PEMBATALAN

18. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Penolong Pegawai Sistem Maklumat dan skim perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data yang dikeluarkan melalui surat JPA(S)324/6/43 Klt.3(58) bertarikh 2 Disember 1995 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

19. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeling ini dipanjangkan kepada semua perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

15 Mei 2000

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN
JURUTEKNIK KOMPUTER**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
 KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
 TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2000

Gred	Jadual Gaji
Gred FT7	: P1T1 RM599.50 - P1T25 RM1629.10 P2T1 RM638.00 - P2T25 RM1719.30 P3T1 RM677.60 - P3T25 RM1812.80
Gred FT6	: P1T1 RM1391.50 - P1T11 RM1996.50 P2T1 RM1442.10 - P2T11 RM2099.90 P3T1 RM1494.90 - P3T11 RM2207.70

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional) dalam bidang elektrik atau elektronik atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
 (ii) Sijil Kejuruteraan Elektronik (Komputer) dari Politeknik di bawah Kementerian Pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred FT7: P1T9).
- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Mesin Prosesan Data adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Juruteknik Komputer Gred FT7 tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

- (ii) lulus Peperiksaan Khas atau menamat dengan jayanya kursus peralihan Juruteknik Komputer yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

dan (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

- 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred FT7 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

- 4. (a) Juruteknik Komputer Gred FT7 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.
- (b) Juruteknik Komputer Gred FT7 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan tidak dikehendaki melalui tempoh percubaan.

LATIHAN

- 5. Juruteknik Komputer boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PEPERIKSAAN/ KURSUS
INDUKSI**

- 6. (a) Juruteknik Komputer Gred FT7 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Kursus Induksi dan lulus Peperiksaan Perkhidmatan dalam tempoh percubaan.
- (b) Juruteknik Komputer Gred FT7 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan dikehendaki:-
 - (i) hadir dengan jayanya Kursus Induksi sebelum disahkan dalam perkhidmatan; dan
 - (ii) lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan sebelum layak dipertimbang untuk kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

- 7. (a) Juruteknik Komputer Gred FT7 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
 - (i) memenuhi tempoh percubaan;
 - (ii) hadir dengan jayanya Kursus Induksi serta lulus Peperiksaan Perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (b) Juruteknik Komputer Gred FT7 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan boleh disahkan dalam perkhidmatan bila-bila masa selepas 1 tahun apabila telah:-
 - (i) memenuhi syarat-syarat di perenggan 6(b) di atas; dan
 - (ii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

- 8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan kecemerlangan prestasi perkhidmatan.

**KURSUS KENAIKAN
PANGKAT**

9. Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat, jika diperlukan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED FT6**

10. Juruteknik Komputer Gred FT7 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Gred FT6 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan seperti di perenggan 6 di atas;
 - (c) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (d) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 9 di atas jika berkenaan; dan
 - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI
SISTEM MAKLUMAT**

11. Juruteknik Komputer yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F5 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

JADUAL GAJI BARU BAGI PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI SSB: FT6
- II. KOD GAJI KOMPUTER: FT06000
- III. TARIKH KUATKUASA : 1.7.2000

JADUAL GAJI BARU: FT6

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11
P1	1391.50	1439.90	1488.30	1536.70	1585.10	1633.50	1706.10	1778.70	1851.30	1923.90	1996.50
P2	1442.10	1492.70	1543.30	1593.90	1644.50	1720.40	1796.30	1872.20	1948.10	2024.00	2099.90
P3	1494.90	1547.70	1600.50	1653.30	1732.50	1811.70	1890.90	1970.10	2049.30	2128.50	2207.70

**DESKRIPSI TUGAS SKIM PERKHIDMATAN
JURUTEKNIK KOMPUTER**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Juruteknik Komputer Gred FT7, FT6

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan

3 SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

3.1 Penyenggaraan Sistem

- (i) Menjalankan kerja-kerja penyenggaraan pencegahan dan penyenggaraan kelengkapan IT seperti;
 - a. Pemeriksaan dan penyenggaraan kelengkapan IT yang rosak seperti kerosakan papan induk, cakera keras, cakera liut, tetikus dan sebagainya.
 - b. Mendapatkan alat ganti dari pembekal.
 - c. Memastikan perjalanan sistem dalam keadaan baik.
 - d. Mengurus stor dan rekod alat ganti.
- (ii) Menjalankan kerja-kerja peningkatan keupayaan komputer seperti menambah ingatan, VCD-Card dan lain-lain peralatan komputer.
- (iii) Menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan mampateri dan pemasangan kabel.

3.2 Penyenggaraan Aplikasi

- (i) Melaksanakan instalasi program mengikut keperluan pengguna komputer.
- (ii) Menjalankan peningkatan perisian ke versi terkini.
- (iii) Melaksanakan pelarasan sistem berkaitan dengan pembahagian *IP-Address*, *Gateway*, *Modem* dan sebagainya.
- (iv) Menjalankan ujian ke atas perkakasan dan perisian yang baru dibeli.
- (v) *Help-desk* (menerima aduan kerosakan).

3.3 Operasi Sistem

- (i) Memberi khidmat nasihat kepada pengguna secara atas talian (online) apabila menerima aduan mengenai kerosakan kecil seperti masalah kerosakan talian data dan merekodkan laporan kerosakan sekiranya berlaku kerosakan yang agak besar dan rumit.

4 HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- Rakan sekerja di Bahagian/Unit yang sama.
- Kakitangan lain di Bahagian lain di dalam organisasi yang sama.

Luaran

- Jabatan/Agensi Kerajaan.
- Syarikat Swasta.

5. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat/bengkel.

6. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)

- Berpengetahuan mengenai perisian, peralatan dan jaringan data.
- Berkemahiran baik pulih peralatan komputer.
- Berkeupayaan mengenalpasti masalah dan menyediakan penyelesaian dengan betul dan pantas serta kemahiran berkomunikasi.

7. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- Kreatif, tekun dan sabar.
- Mempunyai minat untuk meningkat pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat.
- Menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang berbeza seperti bertugas di luar kawasan pejabat.

8. ANCAMAN/BAHAYA

- Kemalangan (mengendalikan peralatan penyenggaraan komputer).

**SKIM PERKHIDMATAN
OPERATOR MESIN PROSESAN DATA**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2000

Gred	Jadual Gaji
Gred F9	: P1T1 RM485.10 - P1T20 RM1104.40 P2T1 RM513.70 - P2T20 RM1162.10 P3T1 RM543.40 - P3T20 RM1222.10
Gred F8	: P1T1 RM925.10 - P1T9 RM1288.10 P2T1 RM962.50 - P2T9 RM1354.10 P3T1 RM1001.00 - P3T9 RM1423.40

SYARAT LANTIKAN 1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) lulus Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (d) Penilaian Menengah Rendah dengan mendapat sekurang-kurangnya peringkat D dalam 5 mata pelajaran termasuk Matematik.

dan (e) kepujian Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Rendah Pelajaran atau sekurang-kurangnya peringkat C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN 2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Operator Mesin Prosesan Data Gred F9 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) di atas; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas;
dan (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred F9 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. (a) Operator Mesin Prosesan Data Gred F9 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.
(b) Operator Mesin Prosesan Data Gred F9 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan tidak dikehendaki melalui tempoh percubaan.

LATIHAN

5. Operator Mesin Prosesan Data boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PEPERIKSAAN/
KURSUS INDUKSI**

6. (a) Operator Mesin Prosesan Data Gred F9 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus Peperiksaan Perkhidmatan dalam tempoh percubaan.
(b) Operator Mesin Prosesan Data Gred F9 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan dikehendaki:-
(i) hadir dengan jayanya kursus induksi sebelum disahkan dalam perkhidmatan; dan
(ii) lulus Peperiksaan Perkhidmatan sebelum layak dipertimbang untuk kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. (a) Operator Mesin Prosesan Data Gred F9 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
(i) memenuhi tempoh percubaan;
(ii) hadir dengan jayanya kursus induksi serta lulus Peperiksaan Perkhidmatan yang ditetapkan; dan
(iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
(b) Operator Mesin Prosesan Data Gred F9 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan boleh disahkan dalam perkhidmatan bila-bila masa selepas 1 tahun apabila telah:-
(i) memenuhi syarat di perenggan 6 (b) di atas; dan
(ii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**UJIAN KEDERASAN
BAGI MAKSUD**

8. (a) Operator Mesin Prosesan Data yang telah disahkan dalam perkhidmatan adalah layak mengambil Ujian Kederasan bagi maksud mendapatkan 2 (dua) atau 4 (empat) hadiah kenaikan gaji mulai dari

**MENDAPAT DUA DUA
ATAU EMPAT HADIAH
KENAIKAN GAJI**

tarikh kenaikan gaji tahunan yang kehadapan berdasarkan kederasan yang dicapai yang telah ditetapkan oleh Ketua Jabatan.

- (b) Operator Mesin Prosesan Data yang telah mengambil Ujian Kederasan dan hanya mencapai kederasan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan bagi mendapat 2 (dua) hadiah kenaikan gaji sahaja adalah dibenarkan mengulang ujian bagi mencapai kederasan yang ditetapkan untuk mendapat 4 (empat) hadiah kenaikan gaji. Mereka yang berjaya layak mendapat 2 (dua) hadiah kenaikan gaji lagi mulai dari tarikh kenaikan gaji tahunan yang kehadapan.
- (c) Ujian Kederasan ini hendaklah diadakan oleh Ketua Jabatan 2 (dua) kali setahun. Peraturan-peraturan bagi Ujian Kederasan serta cara pemarkahannya akan ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

9. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan kecemerlangan prestasi perkhidmatan.

**KURSUS KENAIKAN
PANGKAT**

Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat, jika diperlukan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED F8**

11. Operator Mesin Prosesan Data Gred F9 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Operator Mesin Prosesan Data Gred F8 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan di perenggan 6 di atas;
 - (c) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (d) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 10 di atas jika berkenaan; dan
 - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN**

12. **Operator Mesin Prosesan Data yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara JURUTEKNIK KOMPUTER lantikan ke jawatan Juruteknik Komputer FT7 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.**

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2000

Gred	Jadual Gaji
Gred F5	: P1T1 RM1109.90 - P1T20 RM2121.90 P2T1 RM1161.60 - P2T20 RM2264.90 P3T1 RM1215.50 - P3T20 RM2391.40
Gred F4	: P1T1 RM1960.20 - P1T9 RM2532.20 P2T1 RM2035.00 - P2T9 RM2633.40 P3T1 RM2113.10 - P3T9 RM2737.90

SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - Diploma Sains Komputer dari Universiti Teknologi Mara atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

- Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-**
 - (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) di atas; atau
 - (ii) hadir dengan jayanya kursus peralihan Penolong Pegawai Sistem Maklumat yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;

dan (b) **berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.**

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred F5 boleh ditetapkan ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

- 4 (a) Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F5 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 3 tahun.
- (b) Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F5 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan tidak dikehendaki melalui tempoh percubaan.

LATIHAN

5. Penolong Pegawai Sistem Maklumat boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PEPERIKSAAN/ KURSUS
INDUKSI**

6. (a) Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F5 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus Peperiksaan Perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- (b) Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F5 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan dikehendaki:-
- (i) hadir dengan jayanya kursus induksi sebelum disahkan dalam perkhidmatan; dan
- (ii) lulus Peperiksaan Perkhidmatan sebelum layak dipertimbang untuk kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. (a) Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F5 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (i) memenuhi tempoh percubaan;
- (ii) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus Peperiksaan Perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (b) Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F5 yang memasuki perkhidmatan melalui kenaikan pangkat secara lantikan boleh disahkan dalam perkhidmatan bila-bila masa selepas 1 tahun apabila telah:-
- (i) memenuhi syarat di perenggan 6 (b) di atas; dan
- (ii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan kecemerlangan prestasi perkhidmatan.

**KURSUS KENAIKAN
PANGKAT**

9. Ketua Jabatan/Perkhidmatan boleh menetapkan kursus untuk tujuan kenaikan pangkat, jika diperlukan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED F4**

10. Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F5 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F4 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan seperti di perenggan 6 di atas;
 - (c) mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan yang ditetapkan;
 - (d) hadir dengan jayanya kursus kenaikan pangkat yang ditetapkan seperti di perenggan 9 di atas jika berkenaan; dan
 - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN PEGAWAI
SISTEM MAKLUMAT**

11. Penolong Pegawai Sistem Maklumat yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Sistem Maklumat Gred F3 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.